

13/08/2002

Semua hospital kerajaan akan dilengkapi pusat haemodialisis

TELUK INTAN, Isnin - Semua hospital kerajaan di negara ini akan dilengkapi dengan pusat haemodialisis dalam tempoh lima tahun akan datang, bagi memberi kemudahan pesakit buah pinggang khususnya rakyat miskin yang tidak mampu membiayai kos rawatan penyakit itu yang tinggi.

Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, berkata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sendiri mengarahkan kementeriannya meningkatkan kemudahan itu seperti dipersetujui Kabinet.

Beliau berkata, Dr Mahathir, prihatin terhadap pesakit buah pinggang kerana terpaksa membiayai kos perubatan yang tinggi menggunakan kemudahan hospital swasta kerana kemudahan mesin haemodialisis di hospital kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO), terhad.

Katanya, kos rawatan seorang pesakit buah pinggang menggunakan mesin haemodialisis adalah kira-kira RM2,400 sebulan. Rawatan alternatif bagi penyakit itu juga boleh dibuat menggunakan kaedah 'Continously Abdominal Peritoneal Dialysis' (CAPD).

"Pusat itu akan diwujudkan di semua hospital termasuk di daerah kecil dalam tempoh lima tahun dan ia akan memberi manfaat khususnya kepada penduduk luar bandar," katanya kepada pemberita selepas mengadakan lawatan ke Hospital Teluk Intan (HTI) di sini, hari ini.

Chua berkata, pada masa ini 50 daripada 121 hospital kerajaan sudah mempunyai pusat haemodialisis manakala 12 lagi sedang diwujudkan dan dijangka siap akhir tahun ini.

Katanya, di Perak pusat itu sudah diwujudkan di empat daripada 14 hospitalnya iaitu di Hospital Ipoh (HI), Hospital Taiping, Hospital Slim River (HSR) dan HTI sendiri.

"Tahun ini, dua lagi pusat haemodialisis akan diwujudkan di Perak iaitu di Hospital Manjung dan Hospital Gerik.

"Saya cadangkan juga pusat haemodialisis tambahan bernilai RM750,000 dibuka di HI," katanya.

Chua berkata, kementerian akan melatih lebih ramai pakar, doktor serta kakitangan lain bagi menempatkan mereka di pusat berkenaan di seluruh negara.

"Ini akan membantu pesakit buah pinggang kerana hospital kerajaan hanya mengenakan caj RM15 bagi setiap rawatan manakala golongan miskin menikmati rawatan percuma.

"Kerajaan sebenarnya menanggung kos sekurang-kurangnya RM2,400 sebulan bagi merawat pesakit menggunakan mesin haemodialisis," katanya.

Sementara itu, Chua berkata, kementerian menawarkan HTI dan HSR sebagai Hospital Satelit bagi penuntut Fakulti Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Beliau berkata, jika UKM bersetuju menerima tawaran itu, penuntut perubatan universiti itu akan dihantar menjalani latihan klinikal di kedua-dua hospital terbabit.

Katanya, kerjasama pintar itu yang sudah dilakukan dengan beberapa universiti dan kolej perubatan di hospital kerajaan di negeri lain sejak beberapa tahun lalu, akan turut menyaksikan kedatangan tenaga pakar dan doktor dari universiti berkenaan memberikan perkhidmatan mereka kepada masyarakat.